



# HAK PESAKIT & KELUARGA HOSPITAL PUTRAJAYA



Kami, pihak pengurusan, pegawai-pegawai perubatan serta anggota klinikal dan sokongan klinikal Hospital Putrajaya sentiasa bekerjasama untuk melindungi dan mempromosikan hak pesakit dan ahli keluarga.

Piagam ini mengiktiraf bahawa orang yang menerima dan memberikan penjagaan kesihatan mempunyai peranan yang penting dalam mencapai hak-hak penjagaan kesihatan. Piagam ini juga membenarkan pesakit, ahli keluarga serta penjaga untuk berkongsi pemahaman mengenai hak-hak mereka, bekerjasama ke arah sistem penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti tinggi.

## Apakah yang boleh saya harapkan daripada Hospital Putrajaya?

### HAK-HAK SAYA

### APAKAH MAKSUDNYA

#### AKSES

Saya berhak ke atas penjagaan kesihatan.

Saya mempunyai akses kepada –

- maklumat mengenai perkhidmatan berkenaan dengan keperluan penjagaan kesihatan saya;
- perkhidmatan pengurusan kesakitan sekiranya diperlukan;
- juru alih bahasa sekiranya terdapat halangan berkomunikasi;
- maklumat berkenaan peraturan dan polisi hospital ini;
- maklumat tentang proses pendermaan tisu dan organ yang berkaitan;
- maklumat tentang tanggungjawab pesakit dan keluarga pesakit; dan
- permohonan untuk mendapatkan resit dan bil terperinci atas semua bayaran yang dibuat.

#### KESELAMATAN

Saya berhak menerima penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti.

- Saya berhak menerima penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti tinggi, yang diberikan secara profesional dan cekap.

#### HORMAT

Saya berhak dilayan dengan penuh hormat, saksama dan dijaga martabat diri.

- Penjagaan kesihatan yang diberikan menghormati budaya dan kepercayaan saya.
- Saya menerima penjagaan kesihatan yang selamat dan bersesuaian tanpa mengira bangsa, jantina, kewarganegaraan serta sumber pembayaran.

#### KOMUNIKASI

Saya berhak diberitahu tentang perkhidmatan, rawatan, pilihan rawatan dan kos penjagaan kesihatan saya secara terbuka.

Seboleh mungkin, saya akan menerima –

- maklumat tentang penjagaan kesihatan saya secara terbuka, bersesuaian dan tepat pada masanya dengan cara yang mudah difahami;
- kaunseling yang bersesuaian sebelum discaj jika saya mohon didiscaj bertentangan dengan nasihat perubatan yang diberikan; dan
- nasihat tentang anggaran kos rawatan sebelum penjagaan kesihatan diberikan.

#### PENGLIBATAN

Saya berhak untuk terlibat dalam keputusan dan pilihan tentang penjagaan kesihatan saya.

- Saya boleh mendapatkan maklumat tentang penyiasatan, diagnosis, rawatan dan prognosis berhubung penjagaan kesihatan saya termasuklah penjagaan setelah didiscaj serta kesinambungan penjagaan.
- Saya berhak untuk mendapatkan pendapat lain berkenaan penjagaan kesihatan saya.
- Saya berhak untuk mengetahui identiti pengamal perubatan dan anggota lain yang merawat saya.

#### PRIVASI

Saya berhak mendapat privasi dan dipelihara kerahsiaan maklumat peribadi saya.

- Privasi dan maklumat peribadi berkenaan kesihatan dan penjagaan kesihatan saya adalah terpelihara dan terjamin.

#### KOMEN

Saya berhak memberi komen tentang penjagaan kesihatan saya dan mendapatkan penjelasan.

- Saya boleh memberikan komen atau membuat aduan tentang penjagaan kesihatan saya serta mendapatkan penjelasan yang wajar, dan tepat pada masanya.

Datuk Dr. Nora'i Binti Mohd Said  
Pengarah  
Hospital Putrajaya  
08.03.2018